
Tetapan -Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan. Lihat Menggunakan tetapan lanjutan pada halaman 56 untuk butiran.

Mod kamera - Mod kamera dipilih.

Saiz

Status denyar

Ke belakang - Sentuh sini untuk kembali ke skrin utama.

Galeri

Denyar - Lihat Menggunakan denyar pada halaman 53.

Mod tangkapan - Lihat Memilih jenis tangkapan pada halaman 53.

Pendedahan - Lihat Melaraskan Pendedahan pada halaman 54.


Zum - Sentuh  untuk zum masuk atau  untuk zum keluar. Sebagai pilihan anda boleh menggunakan kekunci kelantangan sisi.

Video - Sentuh untuk menukar kepada kamera video

PETUA! Anda boleh menutup semua pilihan pintas untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingatkan kembali pilihan, sentuh skrin semula.


Menggunakan denyar

Denyar ditetapkan kepada auto secara lalai, tetapi ada pilihan lain.

- 1 Pilih  daripada sisi kanan pencari pandangan untuk memasuki sub-menu denyar.
- 2 Terdapat tiga pilihan denyar:
Auto - Kamera anda akan menilai pencahayaan yang diperlukan untuk mengambil gambar yang baik dan menggunakan denyar sebagaimana diperlukan.
Pengurangan mata merah - Kamera akan berkelip dua kali untuk mengurangkan mata merah.
Sentiasa mati - Kamera tidak akan memancar. Ini berguna jika anda hendak menjimat kuasa bateri.
- 3 Apabila anda menyentuh pilihan yang anda mahu gunakan, menu denyar akan ditutup secara automatik, bersedia untuk anda mengambil gambar anda.


- 4 Ikon status denyar dalam pencari pandangan akan bertukar mengikut mod denyar baru anda.

Memilih mod tangkapan

- 1 Sentuh  untuk membuka mod tangkapan yang tersedia.
- 2 Pilih daripada tujuh pilihan:

Tangkapan normal - Ini adalah jenis tangkapan lalai, foto akan diambil dalam cara normal, seperti yang digariskan dalam mengambil foto segera.

Tangkapan senyuman -

Tangkapan jenis ini adalah bagus untuk mengambil foto orang. Fokus pada subjek dan tekan  kemudian foto akan diambil secara automatik apabila mereka senyum.

Tangkapan cantik - Ini membolehkan anda mengambil foto muka individu dengan jelas dan cerah. Sangat berguna semasa anda dalam jarak dekat.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera

Tangkapan lomo - Pilih kesan gambar yang berbeza. (Asal, Hitam&Putih, Hangat, Sejuk.)




Tangkapan bertubi - Ini membolehkan anda untuk mengambil tujuh tangkapan secara automatik dalam turutan yang pantas. Lihat Mengambil tangkapan bertubi pada halaman 54 untuk mendapatkan butiran.

Panorama - jenis tangkapan ini hebat untuk mengambil foto kumpulan orang yang besar atau untuk menangkap pandangan panoramik. Lihat Mengambil tangkapan panorama pada halaman 55 untuk maklumat lanjut.


Tangkapan bingkai - Pilih satu daripada bingkai menarik untuk mengubah rakan anda atau hanya menghias latar mereka.


Melaraskan pendedahan

Pendedahan menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Gelangsarkan penunjuk kontras di sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah, imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi, imej yang lebih tajam.

Mengambil tangkapan bertubi

- 1 Sentuh  untuk membuka jenis tangkapan yang tersedia dan pilih Tangkapan bertubi.
- 2 Letak subjek dalam pencari pandangan dan tekan butang tangkap sebagaimana anda mengambil foto biasa.


- 3 Kamera itu akan mengambil tujuh tangkapan dalam turutan pantas dan memaparkan gambar pertama dengan tujuh imej kecil yang ditunjukkan pada sebelah kiri skrin.
- 4 Sebaik sahaja anda telah menyerlahkan imej yang anda mahu simpan, sentuh . Anda akan diberikan peluang untuk menyimpan lebih daripada satu imej-imej itu.



Mengambil tangkapan panoramik

Tangkap gambar kehidupan sebenar dengan menggunakan tangkapan panorama. Kamera akan

membenarkan anda mengambil tiga keping gambar, semuanya sejajar, dan menggabungkannya ke dalam satu imej sudut lebar.

- 1 Sentuh  untuk membuka jenis tangkapan yang tersedia dan pilih **Tangkapan panoramik**.
- 2 Ambil foto pertama seperti biasa. Versi berhantu sisi kanan imej akan muncul dalam pencari pandangan.
- 3 Apabila anda mengambil foto kedua dan ketiga, jajarkan hantu imej sebelumnya dengan imej dalam pencari pandangan.
- 4 Dalam galeri foto, foto akan disimpan sebagai tiga imej berasingan dan satu imej panorama.

NOTA: Memandangkan saiz imej, foto panorama akan kelihatan sedikit herot dalam paparan Galeri. Sentuhnya dua kali untuk melihatnya dengan betul.

01

02

03

04

05


06

07

08

Kamera

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Tetapan pratonton

Saiz - Tukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori atau ambil gambar untuk set semula saiz yang betul untuk hubungan. Lihat Perubahan saiz imej pada halaman 58.

Mod adegan - Tetapkan kamera untuk melaraskan persekitaran. Pilih daripada Auto, Potret, Landskap, Malam, Pantai dan Sukan.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda ambil. Lihat Memilih kesan warna pada halaman 59.

Pengesanan kelipan - Ini membolehkan kamera untuk berhenti daripada mengambil foto jika ia mengesan kelipan mata.

Imbangan putih - Pilih daripada Auto, Pijar, Cerah, Pendaflour atau Mendung.

Makro - Hidupkan untuk mengambil gambar jarak dekat.

Pemasa kendiri - Pemasa kendiri membolehkan anda menetapkan tunda selepas butang tangkap ditekan. Pilih daripada Mati, 3 saat, 5 saat atau 10 saat. Bagus untuk foto kumpulan yang anda ingin sertai.

ISO - ISO menentukan sensitiviti pengesan cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila denyar tidak boleh digunakan. Pilih nilai ISO daripada **Auto, ISO 100, ISO 200, ISO 400, ISO 800 atau ISO1600.**

Kualiti - Pilih antara Sangat halus, Halus dan Normal. Lebih halus kualitinya, lebih tajam foto itu tetapi saiz fail akan meningkat dan ini bermakna hanya sedikit foto yang boleh anda simpan di dalam memori telefon anda.

Pampasan lampu latar - apabila anda mengambil foto dalam latar belakang yang cerah, subjek mungkin kelihatan gelap. HIDUPKAN fungsi ini untuk memampasnya. Subjek foto akan menjadi lebih cerah.

Kamera Dalaman/Luaran - Bagi potret sendiri, tukarkan kepada kamera dalaman LG KC910. Lihat **Menggunakan kamera dalaman** pada halaman 59 untuk mendapatkan butiran.

Tetapan lain

Memori - Pilih sama ada untuk menyimpan foto anda pada memori Telefon bimbit atau pada memori Luaran.

Geo-Tagging - Pilih untuk menghidupkan maklumat EXIF bagi foto untuk menulis maklumat GPS.

Zum - Pilih zum daripada 4X, 8X atau 16X.

Penstabilan imej - Membolehkan anda mengambil foto tanpa ketidakstabilan atau gegaran kamera.

Fokus - Pilih cara kamera untuk memfokuskan. Pilih daripada Auto, Manual atau Pengesanan muka.

Bunyi pengatup - Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.

Skrin grid - Pilih daripada Mati, Silang mudah atau Pembahagian tiga sama

Tetap semula tetapan - Tetap semula semua tetapan kamera.

01

02

03

04

05

06

07


08

Kamera

PETUA! Apabila anda keluar dari kamera, semua tetapan anda akan kembali ke lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Apa-apa tetapan bukan lalai yang anda perlukan mesti diset semula, contohnya ton warna dan ISO. Periksanya sebelum anda menangkap foto anda yang seterusnya.

PETUA! Menu tetapan akan menindan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu tetapan.

banyak gambar pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Saiz** daripada menu Pratonton.
- 3 Pilih nilai piksel daripada enam pilihan berangka (**8M: 3264 X 2448, 5M: 2592x1944, 3M: 2048x1536, 2M: 1600x1200, 1M: 1280x960, 640x480, 320x240**) atau pilih pratetap:

Kenalan - Ini menetapkan kamera untuk mengambil foto dengan saiz yang tepat untuk dimasukkan dalam kenalan telefon.

Menukar saiz imej

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda hendak memuatkan lebih


Memilih kesan warna

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Kesan Warna** daripada menu Pratonton.
- 3 Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati, Hitam & Putih, Negatif, Sepia** atau **Pemposteran**.
- 4 Apabila anda telah membuat pemilihan anda, menu ton warna akan ditutup dengan memilih ikon ke belakang, bersedia untuk anda mengambil gambar.

PETUA! Anda boleh menukar foto yang diambil ke dalam warna hitam dan putih atau sepia selepas ia ditangkap, tapi anda tidak boleh menukar gambar yang diambil dalam warna hitam dan putih atau sepia kembali kepada warna.

Menggunakan kamera dalaman

LG KC910 anda mempunyai kamera dalaman 640x480, bukan hanya untuk panggilan video tapi juga untuk mengambil gambar.

- 1 Untuk menukar kepada kamera dalaman sentuh  kemudian pilih **Kamera Dalaman** daripada menu Pratonton.
- 2 Selepas beberapa saat anda dapat melihat diri anda dalam pencari pandang. Untuk menangkap imej tekan butang tangkap seperti biasa.

01

02

03

04


05


06

07


08

Kamera

PETUA! Kamera dalaman mempunyai kurang tetapan kerana ia tidak mempunyai denyar atau ISO. Anda masih boleh mengubah saiz imej, mod adegan, kesan warna, kualiti imej,imbangan putih dan tetapkan pemasa sendiri dengan menyentuh  dalam cara yang sama semasa menggunakan kamera utama.


- 3 Selepas anda mengambil foto, anda akan ditawarkan dengan semua pilihan tersedia yang sama dengan imej yang diambil dengan kamera utama.
- 4 Untuk kembali ke kamera utama sentuh  dan pilih **Kamera Luaran** daripada menu Pratonton.

Melihat foto yang disimpan

- 1 Anda boleh akses foto yang anda simpan di dalam mod kamera. Hanya sentuh  dan galeri anda akan muncul pada skrin.




Kamera Video

Menangkap video pantas

- 1 Tekan dan tahan kekunci kamera pada sisi kanan telefon.
- 2 Sebagai pilihan, sentuh  dalam pencari pandangan dalam mod kamera untuk menukar kepada mod video.

PETUA! Buka kamera video secara pantas dengan menekan dan menahan kekunci kamera.

- 3 Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
- 4 Memegang telefon secara mendatar, mengarahkan kanta ke arah subjek video.
- 5 Tekan butang tangkap sekali untuk mula merakam.

- 6 **Rakam** akan muncul pada bahagian atas pencari pandangan dan pemas pada bahagian bawah akan menunjukkan panjang video anda.
- 7 Untuk menjeda sentuhan video  dan sambungkan dengan memilih .
- 8 Sentuh  pada skrin atau tekan butang tangkap buat kali kedua untuk menghentikan rakaman.

01

02

03

04

05

06

07


08


Kamera Video


Selepas anda telah menangkap video


Imej pegun memaparkan video yang ditangkap akan muncul pada skrin. Nama imej akan berjalan di bahagian bawah skrin bersama lima ikon di bahagian bawah kanan.





 Sentuh untuk merakam terus video yang lain. Video semasa anda akan disimpan.

 Sentuh untuk mainkan video.

 Sentuh untuk menghantar video sebagai mesej, melalui **E-mel** atau melalui **Bluetooth**. Lihat halaman 35 bagi **Menghantar mesej**, atau halaman 120 bagi **Menghantar dan menerima fail anda menggunakan Bluetooth**.

 Sentuh untuk muat naik blog akaun anda.

 Sentuh untuk melihat galeri video dan gambar yang disimpan.

 Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan



PETUA! Anda boleh menutup semua pilihan pintasan untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingati kembali pilihan, sentuh skrin semula.

01

02

03

04

05

06




07

08

Kamera Video

Melaraskan pendedahan

Pendedahan menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Gelangsarkan penunjuk pendedahan di sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah, imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi, imej yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Daripada pencari pandangan sentuh **Tetapan** untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Tetapan pratonton

Saiz video - Tukar saiz video untuk menjimatkan ruang memori. Lihat

Menukar saiz imej video pada halaman 65.

Mod adegan - Pilih daripada Auto atau Malam.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda ambi. Lihat **Memilih ton warna** pada halaman 66.

Imbangan putih - Imbangan putih memastikan bahawa mana-mana warna putih dalam video anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikan imbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan cahaya.

Pilih dari **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** atau **Mendung**.

Kualiti - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti, lebih tajam video tersebut. Saiz fail akan bertambah, yang bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit video dalam memori telefon.

Tempoh - Tetapkan had tempoh masa bagi video anda. Pilih daripada **Tiada had**, atau **MMS** untuk hadkan saiz bagi membolehkan menghantar video sebagai MMS.

PETUA! Jika anda memilih tempoh MMS, cuba pilih kualiti imej lebih rendah untuk membolehkan anda menangkap video lebih panjang.

Kamera Dalaman/Luaran - Tukar kepada kamera dalam LG KC910 anda untuk merekodkan video diri anda sendiri. Lihat **Menggunakan kamera video dalaman** pada halaman 67 untuk mendapatkan butiran.

Tetapan lain

Memori - Pilih sama ada untuk menyimpan video anda pada Memori telefon bimbit atau pada Memori luaran.

Suara - Pilih Bisu untuk merakam video tanpa suara.


Mikrofon bebas hingar - Hidupkan kualiti bunyi yang tinggi.

Zum - Pilih zum daripada 4X, 8X atau 16X.

Tetapkan semula tetapan - Tetap semula semua tetapan kamera video.

Menukar saiz imej video

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda mahu memuatkan lebih banyak gambar pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Saiz video** daripada menu Pratonton.
- 3 Pilih nilai piksel daripada lima pilihan:

01

02

03

04


05


06

07


08


Kamera Video

 **640x384(W)** - Pilihan skrin lebar berkualiti paling tinggi.


 **400x240(W)** - Ini juga adalah skrin lebar, tapi resolusi yang lebih rendah.

 **640x480** - VGA bersaiz standard.

 **320x240** - Saiz imej lebih kecil, oleh itu saiz fail lebih kecil. Hebat untuk menjimat ruang memori.

 **176x144** - Saiz imej terkecil, oleh itu saiz fail juga terkecil.

- 4 Sentuh ikon ke belakang untuk kembali ke pencari pandangan.

 **AMARAN:** Perisian mengedit terhebat pada LG KC910 anda adalah serasi dengan semua jenis video kecuali 640X384 dan 640x480. Jangan merakam format jenis ini jika anda bercadang untuk mengedit video anda.

PETUA! Bagi perisian penukaran format video, lihat CD yang anda terima dengan KC910 anda.



Memilih ton warna

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Kesan Warna** daripada menu Pratonton.
- 3 Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati** (warna), **Hitam & Putih**, **Negatif**, **Sepia**, **Pemposteran**.
- 4 Sentuh ton warna yang anda mahu gunakan.

PETUA! Anda boleh menukar syot video dalam warna kepada hitam dan putih atau sepia selepas ia diambil, tetapi anda tidak boleh tukar syot video dalam hitam dan putih atau kembali pada sepia ke warna.


Menggunakan kamera video dalaman

LG KC910 anda mempunyai kamera dalaman 320x240, bukan hanya untuk panggilan video tetapi merakam video juga.

- 1 Untuk menukar kepada kamera dalaman sentuh  kemudian pilih **Kamera Dalaman** daripada menu Pratonton.
- 2 Selepas beberapa saat anda dapat melihat diri anda dalam pencari pandang. Untuk mula merakam imej tekan butang tangkap sebagai normal, tekan kali kedua untuk henti rakaman.
- 3 Selepas anda telah merakam video, anda akan ditawarkan semua pilihan tersedia yang sama dengan tangkapan video yang menggunakan kamera utama.
- 4 Untuk kembali kepada kamera utama sentuh  dan kemudian **Kamera Luaran**.

PETUA! Anda masih boleh mengubah saiz imej, mod adegan, kesan warna,imbangan putih dan kualiti dengan menyentuh **Tetapan** dengan cara yang sama semasa menggunakan kamera utama.

Melihat video anda yang disimpan

- 1 Dalam pencari pandangan sentuh .
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh foto yang anda mahu lihat sekali untuk membawanya ke hadapan galeri. Ia akan mula memainkan secara automatik.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera Video

Melihat video anda pada TV

Sambungkan KC910 anda pada TV anda menggunakan kabel output TV.

NOTA: Kabel output TV tersedia bagi pembelian secara berasingan.



 **AMARAN:** Semua format kecuali 320x240 dan 176x144 serasi untuk menonton pada TV.


Foto dan video anda

Melihat foto dan video anda

- 1 Sentuh  pada skrin pratonton kamera anda.
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh video atau foto untuk membukanya dengan penuh.



PETUA! Petik kiri atau kanan untuk melihat foto atau video lain.

PETUA! Untuk memadam foto atau video, buka dan pilih . Sentuh **Ya** untuk mengesahkan.

Menggunakan zum apabila melihat video atau foto

Untuk zum masuk tekan **+** berulang kali. Untuk zum keluar tekan **-**. Gunakan imej kecil di sudut bawah kanan untuk menggerakkan kawasan fokus.

Melaraskan kelantangan apabila melihat video

Untuk melaraskan kelantangan audio pada video semasa ia sedang dimainkan, sentuh bar kelantangan pada sisi kiri skrin. Sebagai pilihan, gunakan kekunci kelantangan pada sisi telefon.

01

02

03

04

05



06


07

08

Foto dan video anda


Menangkap imej dari video

- 1 Pilih video yang anda hendak tangkap imej.
- 2 Sentuh **||** untuk menjeda video pada bingkai yang anda mahu menukar kepada imej, pilih  daripada sisi kanan skrin.
- 3 Pilih **Simpan**.
- 4 Imej akan muncul pada skrin, dengan nama imej yang telah diperuntukkan.
- 5 Sentuh imej kemudian  untuk kembali kepada galeri.
- 6 Imej itu akan disimpan dalam Folder saya dan muncul dalam galeri. Anda perlu keluar daripada galeri dan buka semulanya bagi membolehkan ia dipaparkan.

 **AMARAN:** Sesetengah fungsi mungkin tidak berjalan dengan sempurna jika fail multimedia tidak dirakamkan pada telefon.

Melihat foto anda sebagai pertunjukan slaid


Mod pertunjukkan slaid akan menunjukkan semua foto dalam galeri satu demi satu sebagai pertunjukkan slaid. Video tidak boleh dipaparkan sebagai pertunjukkan slaid.


- 1 Sentuh pada gambar yang hendak anda mulakan pertunjukkan slaid untuk membukanya.
- 2 Pilih .
- 3 Pertunjukkan slaid akan mula.




Terdapat pilihan di dalam tayangan slaid:

 Sentuh untuk melangkau foto.

 Sentuh untuk jeda tayangan slaid pada foto tertentu.


 Sentuh sekali lagi untuk sambung main balik.

 Sentuh untuk meningkatkan atau menurunkan kelajuan pertunjukkan slaid.


Menetapkan foto sebagai penghias latar

- 1 Sentuh dua kali foto yang hendak anda set sebagai penghias latar untuk membukanya.

- 2 Sentuh skrin untuk buka menu pilihan.


3 Sentuh .

- 4 Skrin akan beralih ke mod potret. Anda boleh zum masuk dan keluar gambar dan menggerakkan bahagian yang dipangkas dengan menggunakan imej kecil pada bahagian bawah skrin.

- 5 Setelah anda gembira dengan gambar itu, sentuh .

Mengedit foto anda

Terdapat banyak perkara menarik yang boleh anda lakukan pada foto anda untuk mengubahnya, tambah padanya atau mencantikkannya sedikit.

- 1 Buka foto yang hendak anda edit dan sentuh  untuk mengeluarkan pilihan.
- 2 Sentuh ikon untuk menyesuaikan foto anda:

01

02

03

04


05


06

07


08


Foto dan video anda

 Pangkas foto anda. Pilih kawasan pangkas petak atau bulat dan gerakkan jari anda disekitar skrin untuk memilih kawasan.

 Lukiskan sesuatu dengan tangan pada foto anda. Pilih ketebalan garisan daripada empat pilihan dan warna yang anda mahu gunakan.


T Masukkan tulisan pada gambar. Lihat **Menambah teks pada foto** pada halaman 73.


 Hiaskan foto anda dengan cap. Pilih dari cap berlainan yang tersedia dan sentuh foto anda di mana sahaja anda hendak.


 Padam edit yang telah anda tambah pada gambar. Anda boleh pilih saiz pemadam yang anda gunakan.


 Simpan perubahan yang

telah anda lakukan pada foto. Pilih untuk simpan perubahan pada **Fail Asal**, atau sebagai **Fail Baru**. Jika anda pilih **Fail baru** masukkan nama fail.

 Buat asal **Kesan** akhir atau edit yang telah anda buat pada foto.

 Lihat **Menambah kesan pada foto** pada halaman 73.

 Sentuh untuk buka pilihan selanjutnya termasuklah **Putar**. Terdapat juga pilihan lanjutan lebih banyak edit. Lihat **Morf foto, Menambah aksyen warna dan Menukar warna dalam foto** pada halaman 74.

 Sentuh untuk kembali ke galeri.



Menambah teks pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh **T**.
- 2 Pilih **Tandatangan** untuk tambah teks bukan bingkai atau pilih salah satu bentuk buih pertuturan.
- 3 Masukkan teks anda menggunakan pad kekunci dan sentuh **Selesai**.
- 4 Gerakkan teks dengan menyentuhnya dan menggerakkan ke tempat yang anda hendak.

Menambah kesan pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh .

- 2 Pilih untuk gunakan mana-mana lapan belas pilihan pada foto

Mencantikkan muka

- Mengesan muka dan mencerahkannya secara automatik.


Lomo - Jadikan gambar anda kelihatan seperti telah diambil menggunakan kamera filem Lomo yang lama!

Negatif warna - Kesan negatif warna.

Hitam dan Putih - Kesan warna hitam dan putih.

Sepia -Kesan sepia.

Kabur - Gunakan kesan dikaburkan.

Tajamkan - Gerakkan penanda di sepanjang bar untuk menajamkan fokus foto. Pilih ikon OK untuk gunakan perubahan atau pilih  untuk batalkan.

01

02

03

04

05

06

07

08

Foto dan video anda

Mozek kabur - Sentuh untuk menggunakan kesan mozek kabur pada foto.

Car minyak - Kesan cat minyak.

Lakaran - Gunakan kesan ini untuk membuatkan gambar kelihatan seperti lakaran.

Timbul - Kesan timbul.

Solarisasi -Tukar kesan pendedahan kepada lampu

Vivid - Kesan kejelasan dan bergemerlapan.


Cahaya bulan - Tukar lampu kepada cahaya bulan.

Antik - Kesan foto lama.

Bara - Kesan alur cahaya.



Kartun - Kesan kartun.

Warna air - Jadikan gambar kelihatan seperti lukisan warna air.

- 3 Untuk buat asal kesan hanya sentuh .


PETUA! Anda boleh tambah lebih daripada satu kesan pada foto.


Pangkas foto

- 1 Daripada skrin mengedit, sentuh .
- 2 Pilih bentuk yang anda mahu untuk memangkas gambar.
- 3 Seret kotak ke seluruh bahagian yang anda mahu pangkas.
- 4 Setelah anda gembira dengan pemilihan anda, sentuh .


Morfkan foto



Morfkan foto hebat untuk menukar ekspresi muka rakan-rakan, atau hanya untuk mengherot foto untuk kesan artistik.

- 1 Daripada skrin mengedit, sentuh .
- 2 Pilih **Morf** dan empat palang akan muncul pada foto.



- 3 Gerakkan tanda pangkah di sekitar foto supaya ia berada di tempat anda ingin morfkan. Sebagai contoh, jika anda morfkan muka, letakkan palang pada sudut luar setiap mata dan satu setiap sisi mulut.
- 4 Pilih muka untuk menunjukkan bagaimana anda hendak morfkan foto.
- 5 Pilih  untuk menyimpan perubahan.

Menambah akses warna pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh .
- 2 Pilih **Aksen warna**.
- 3 Pilih bahagian foto. Garisan kesan akan muncul disekitar apa-apa sahaja dalam kawasan yang sama atau warna yang sama. Contohnya, rambut atau jumper seseorang.

- 4 Ubah keamatan pengaksenan dengan menyentuh  dan kemudian gelangsarkan penanda bar keamatan ke atas atau ke bawah.
- 5 Sentuh **OK**.
- 6 Semua warna akan dikeluarkan dari foto, selain daripada bahagian yang bertanda untuk pengaksenan warna.
- 7 Pilih  untuk menyimpan perubahan.

Menukar warna dalam foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh .
- 2 Pilih **Menukar warna**.
- 3 Pilih bahagian foto. Garisan kesan akan muncul disekitar apa-apa sahaja dalam kawasan yang sama atau warna yang sama. Contohnya, rambut atau jumper seseorang.
- 4 Sentuh  dan pilih warna.
- 5 Tekan **OK**.

01

02

03

04


05

06

07

08

Foto dan video anda





- 6 Bahagian foto yang dipilih untuk pengaksenan warna akan mengubah ke warna yang dipilih.
- 7 Pilih  untuk menyimpan perubahan.




Mengedit video anda


Ciri mengedit tersedia bagi semua jenis video kecuali 640X384 dan 640x480.

Jangan rakah format ini jika anda bercadang untuk mengedit video.



Memotong panjang video anda



- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih  dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih  **Potong**.
- 3 Sentuh  dan tanda titik mula dan tamat yang baru dengan menggunakan .

- 4 Sentuh  untuk memastikan anda gembira dengan potongan yang baru.
- 5 Sentuh  atau, sebagai pilihan, sentuh  untuk kembali kepada galeri dan buang perubahan.




Menggabungkan dua video bersama

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih  dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih  **Gabungan Video**.
- 3 Folder Video Say akan terbuka. Pilih video yang anda mahu gabungkan.

- 4 Sentuh dan gelangsarkan foto untuk menggabungkannya pada hujung atau permulaan video.
- 5 Sentuh  untuk pilih bagaimana video digabungkan bersama: **Tiada, Beransur hilang, Zum sorot, Bujur, Tidak ditutup, Bidai, Corak dam, Larut, Bahagi** atau **Bentuk berlian**.
- 6 Tekan  diikuti dengan **Ya** untuk simpan video yang gabungan baru. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 7 Ulang langkah ini untuk menggabungkan video dengan lebih.

Menggabungkan foto dengan video

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih  dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.

- 2 Pilih  dan pilih **Gabungan imej**.
- 3 Folder Imej Saya akan terbuka. Pilih foto yang anda mahu gabungkan ke dalam video anda dan pilih **Pilih**.
- 4 Sentuh dan gelangsarkan foto untuk menggabungkannya pada hujung atau permulaan video.
- 5 Sentuh  untuk pilih bagaimana foto dan video digabungkan bersama: **Tiada, Beransur hilang, Zum sorot, Bujur, Tidak ditutup, Bidai, Corak dam, Larut, Bahagi** atau **Bentuk berlian**.
- 6 Tekan **Simpan** diikuti oleh **Ya**. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 7 Ulang langkah ini untuk menggabungkan foto lain.

01

02

03

04

05

06


07

08

Foto dan video anda

Menambah teks pada video

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih **Overlai teks.**
- 3 Masukkan teks anda menggunakan pad kekunci dan pilih **Simpan.**
- 4 Sentuh dan tanda bila anda hendak teks itu muncul menggunakan .
- 5 Sentuh kawasan skrin yang anda hendak teks itu muncul.






- 6 Sentuh untuk menandakan bila anda hendak teks itu hilang.

- 7 Sentuh untuk memastikan anda gembira dengan overlai teks.
- 8 Sentuh diikuti dengan **Ya.** Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 9 Ulang langkah ini untuk menambah teks yang lain.



Overlai foto



- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih **Overlai imej.**
- 3 Folder Imej Saya akan terbuka. Pilih foto yang anda hendak overlai video anda.
- 4 Sentuh dan tanda apabila anda hendak teks itu muncul menggunakan .
- 5 Sentuh kawasan skrin yang anda hendak teks itu muncul. Jika foto terlalu besar ia akan overlai


keseluruhan skrin, bukan hanya kawasan yang dipilih.




- 6 Sentuh  untuk menanda apabila anda hendak foto itu hilang.
- 7 Sentuh  untuk memastikan anda gembira dengan overlai foto.
- 8 Sentuh  diikuti dengan **Ya**. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 9 Ulang langkah ini untuk menambah lebih gambar.

Menambah rakaman suara

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih  dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih  **Rakaman suara**.
- 3 Kualiti audio asal akan terjejas dengan menambah rakaman suara. Sentuh **Ya** untuk sambung.

- 4 Sentuh  untuk melihat video anda. Apabila anda dapat bahagian yang anda hendak rakam suara tindih anda, tekan .



- 5 Tekan  untuk berhenti rakaman dan main balik.
- 6 Sentuh  untuk memastikan anda gembira dengan rakaman suara.
- 7 Sentuh  diikuti dengan **Ya** untuk simpan. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 8 Ulang langkah ini untuk menambah lebih rakaman suara pada video.

01

02

03

04

05

06

07

08

Foto dan video anda

Menambah trek bunyi pada video anda

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih **Alih suara audio.**
- 3 Folder Bunyi saya akan terbuka. Pilih trek yang anda hendak tambah kepada video anda .
- 4 Audio asal video anda akan dipadam. Sentuh **Ya** untuk sambung.
- 5 Jika audio lebih pendek daripada video pilih sama ada untuk memainkan **Sekali** atau **Ulang**.
- 6 Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.

Menukar kelajuan video anda


- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih **skala masa.**
- 3 Pilih satu daripada empat pilihan kelajuan: **x4, x2, x1/4, x1/2.**
- 4 Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.

Menambah kesan malap

- 1 Buka video yang hendak anda edit, pilih dan sentuh skrin untuk mengeluarkan pilihan tersebut.
- 2 Pilih dan pilih **Kesan malap.**
- 3 Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 4 Video anda akan pendam masuk dalam permulaan dan beransur hilang pada akhirnya.

Multimedia

Anda boleh menyimpan sebarang fail multimedia ke dalam memori telefon anda supaya anda mempunyai akses mudah pada semua gambar, bunyi, video, dan permainan. Anda juga boleh menyimpan fail anda kepada kad memori. Kelebihan menggunakan kad memori ialah anda boleh mengosongkan ruang memori telefon anda.

Untuk mengakses menu Multimedia, sentuh  kemudian **Hiburan**. Sentuh **Bahan Saya** untuk membuka senarai folder yang menyimpan semua fail multimedia anda.

Gambar

Imej Saya mengandungi senarai gambar termasuklah imej lalai dipramuatkan pada telefon anda, imej yang dimuat turun oleh anda dan imej yang diambil menggunakan kamera telefon anda.

Menu pilihan imej saya

Pilihan yang tersedia pada anda dalam **Imej saya** bergantung pada jenis imej yang anda pilih. Semua pilihan akan tersedia untuk gambar yang telah anda ambil pada kamera teledon, tetapi pilihan **Guna sebagai, Cetak, Susun mengikut** dan **Pengurus memori** tersedia untuk imej lalai.

PETUA! Semasa melihat pada gambar, pergi ke landskap untuk mendapatkan pilihan selanjutnya pada sebelah kanan skrin. Pilih daripada hantar, muat naik, tetapkan sebagai skrin utama, edit dan padam.

Hantar - Hantar imej kepada kawan.

Edit - Edit imej.

Gerak - Gerak imej dari memori telefon pada kad memori atau sebaliknya.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Salin - Salin imej dari memori telefon ke kad memori atau sebaliknya.

Gunakan sebagai - Pilih daripada Tema skrin utama, Imej kenalan, Panggilan masuk, Panggilan keluar, hidupkan atau matikan imej.

Nama semula - Nama semula imej.

Lampu Pintar - Tukar pencahayaan gambar anda untuk meningkatkannya secara automatik.

Cetak - Cetak imej yang dipilih menggunakan pencetak yang disokong dengan Pictbridge atau Bluetooth.

Tayangan Slaid - Paparkan imej anda sebagai tayangan slaid.

Maklumat Fail - Paparkan maklumat fail.

Menghantar foto

1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.

2 Sentuh **Bahangan saya** kemudian **Imej saya**.

3 Pilih gambar yang anda hendak hantar, dan kemudian sentuh **Hantar**. Pilih daripada **Mesej, E-mel** atau **Bluetooth**.

4 Jika anda pilih **Mesej** atau **E-mel**, foto anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa. Jika anda pilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar gambar kepada.

Menggunakan imej

Anda boleh pilih imej untuk menggunakan sebagai penghias latar dan gambar skrin atau hanya untuk mengenalpasti pemanggil.

1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.

2 Sentuh **Bahangan saya** kemudian **Imej saya**.

3 Pilih imej dan sentuh .

4 Sentuh **Gunakan sebagai** dan pilih daripada:

Tema skrin utama - Tetapkan kertas hias dinding untuk skrin laman utama.

Imej kenalan - Peruntukkan imej pada individu tertentu dalam senarai kenalan anda supaya gambar akan ditunjukkan apabila mereka memanggil anda.

Panggilan masuk - Tetapkan imej untuk muncul semasa panggilan masuk.

Panggilan keluar - Tetapkan imej untuk muncul semasa panggilan keluar.

Hidupkan - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda hidupkan telefon.


Matikan - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda matikan telefon.

Menandakan imej anda

Foto dengan cahaya rendah boleh dilaraskan tanpa merendahkan kualiti gambar.

1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.

2 Sentuh **Bahangan saya** kemudian **Imej saya**.

3 Pilih imej dan sentuh  kemudian sentuh **Lampu Pintar**.

4 Lampu akan ditukar secara automatik, dan anda akan mempunyai pilihan untuk menyimpan imej baru itu.

Mencetak imej

1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.

2 Sentuh **Bahangan saya** kemudian **Imej saya**.

3 Pilih imej dan sentuh .

4 Sentuh **Cetak** kemudian pilih antara **Bluetooth** dan **PictBridge**.

01

02

03

04

05

06

07



08

Multimedia

PETUA! Anda boleh cetak melalui bluetooth atau dengan menyambungkan kepada pencetak PictBridge.



Memindah atau menyalin imej

Anda boleh menggerakkan atau salin imej antara memori telefon dan kad memori. Anda mungkin mahu melakukan perkara ini untuk mengosongkan ruang dalam salah satu bank memori atau untuk melindungi imej anda dari hilang.

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** kemudian **Imej saya**.
- 3 Pilih imej dan sentuh .
- 4 Pilih **Gerak** atau **Salin**.



Membuat pertunjukan slaid

Jika anda mahu melihat imej dalam telefon anda, anda boleh membuat pertunjukan slaid daripada membuka dan menutup setiap satu imej tersebut.

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** kemudian **Imej saya**.
- 3 Sentuh  kemudian **Tayangan slaid**.

Menyemak status memori anda

Anda boleh semak untuk melihat berapa banyak ruang memori yang telah anda gunakan dan baki yang masih ada.

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** kemudian **Imej saya**.
- 3 Sentuh  kemudian **Pengurus memori**.



- 4 Pilih **memori telefon bimbit** atau **Memori luaran**.

NOTA: Jika anda tidak mempunyai kad memori dimasukkan, anda tidak boleh memilih Memori luaran.

Bunyi

Folder **Bunyi saya** mengandungi Bunyi dimuat turun, **Bunyi lalai** dan **Rakaman suara**. Dari sini anda boleh uruskan, hantar atau tetapkan bunyi sebagai nada dering.

Menggunakan bunyi

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** kemudian **Bunyi saya**.
- 3 Pilih **Bunyi lalai** atau **Rakaman suara**.
- 4 Pilih bunyi dan ia akan mula dimainkan.
- 5 Sentuh  dan pilih **Gunakan sebagai**.

- 6 Pilih daripada **Nada dering suara**, **Nada dering video**, **Nada mesej**, **Permulaan** atau **Matikan**.

Video

Folder **Video saya** menunjukkan senarai video yang dimuat turun dan video yang telah anda rakam dalam telefon.

Menonton video

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** kemudian **Video saya**.
- 3 Pilih video untuk dimainkan.

PETUA! KC910 menyokong kedua-dua DivX & Xvid video format main semula untuk memastikan ketersediaan kandungan yang hebat. Rujuk kepada halaman 108 secara terperinci.

01

02

03

04

05


06

07

08

Multimedia

Menggunakan pilihan semasa video dijeda

Sentuh  semasa dalam mod jeda dan pilih dari:

Tangkap - Tangkap bingkai kaku sebagai gambar.

Hantar - Hantar video dalam mesej, e-mel atau menerusi Bluetooth.

Padam - Padam video.

Guna sebagai - Membolehkan untuk menetapkan Nada dering suara atau Nada dering video. (Ini boleh dihadkan dengan saiz bingkai Video.)

Edit - Anda boleh edit nama fail.

Maklumat fail - Paparkan butiran Nama, Saiz, Tarikh, Jenis, Tempoh, Dimensi, Perlindungan dan Hak cipta.

NOTA: Kabel output TV adalah tersedia untuk pembelian secara berasingan.


Menghantar klip video


- 1 Pilih video dan sentuh .
- 2 Sentuh **Hantar** dan pilih daripada **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**.
- 3 Jika anda memilih **Mesej** atau **E-mel**, video klip anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh tulis dan hantar mesej sebagai normal. Jika anda memilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar video.

Permainan dan Aplikasi


Anda boleh memuat turun permainan dan aplikasi baru pada telefon anda untuk menghiburkan anda pada masa lapang.

Memuat turun permainan

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Permainan & apl**, kemudian **Permainan & apl saya** dan **Permainan**.
- 3 Pilih **Muat turun permainan**.
- 4 Anda akan disambungkan kepada portal web di mana anda dapat mencari permainan untuk dimuat turun.

PETUA! Untuk padam sebarang fail dalam Bahan Saya, sentuh  kemudian **Padam**.

Memainkan permainan

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Permainan & apl**, kemudian **Permainan & apl saya** dan **Permainan**.
- 3 Pilih dan sentuh permainan untuk melancarkannya.

Menggunakan menu pilihan permainan

Daripada folder Permainan & apl, pilihan berikut adalah tersedia:

Buat folder baru – Buat folder dalam **Permainan & apl**.

Susun mengikut – Susun permainan dan aplikasi mengikut **Tarikh**, **Saiz** atau **Nama**.

Pengurus memori – Paparkan status memori.

Maklumat Fail – Paparkan maklumat permainan.

01

02

03

04

05

06

07


08

Multimedia

Kandungan Denyar

Folder kandungan Denyar mengandungi semua fail lalai dan muat turun SWF.

Melihat fail SWF/SVG

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahangan saya** kemudian **Kandungan denyar**.
- 3 Pilih fail untuk lihat.

Menggunakan pilihan melihat fail SWF/SVG

Sentuh  dan pilih daripada:

Bisu - Tutupkan suara.

Hantar - Hantar fail sebagai **Mesej, E-mel** atau melalui **Bluetooth**.

Kertas hias dinding - Tetapkan fail sebagai kertas hias dinding anda.


Maklumat fail - Paparkan Nama, Saiz, Tarikh, Masa, Jenis dan Perlindungan fail.

Dokumen

Daripada Dokumen dalam Bahangan saya, anda boleh melihat kesemua fail dokumen anda.

Daripada sini anda boleh melihat fail Excel, Powerpoint, Word, Text dan pdf.

Melihat fail

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahangan saya** dan kemudian **Dokumen**.
- 3 Pilih dokumen dan sentuh **Paparan**.

Memindahkan fail kepada telefon anda

Bluetooth mungkin cara mudah untuk memindahkan fail dari komputer ke telefon anda. Anda juga boleh gunakan LG PC Suite menerusi kabel segerak anda, lihat halaman 104 untuk butiran lanjut. Untuk memindahkan mengguna Bluetooth:



- 1 Pastikan telefon dan komputer anda menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Gunakan komputer anda untuk menghantar fail melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam folder **Dokumen** atau **Folder lain-lain**.

Lain-lain

Folder **Lain** digunakan untuk menyimpan fail bukan gambar, bunyi, video, permainan atau aplikasi. Ia digunakan dengan cara yang sama sebagai folder **Dokumen**. Anda mungkin mendapati bahawa apabila anda memindahkan fail dari komputer anda ke telefon yang ia muncul dalam folder **Lain** daripada folder **Dokumen**.

Jika ia berlaku anda boleh menggerakkannya.

Untuk gerakan fail daripada Lain-lain kepada Dokumen:

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Bahagian saya** dan kemudian **Lain-lain**.
- 3 Pilih fail dan sentuh .
- 4 Sentuh **Gerak**, kemudian sentuh **Gerak** sekali lagi.

01

02

03

04

05





06

07


08

Multimedia

Membuat movie


- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Muvee Studio**.
- 3 Sentuh  untuk menambah imej. Sentuh imej yang anda mahu sertakan dan kemudian pilih **Masukkan**.
- 4 Sentuh tab gaya merentasi bahagian atas untuk memilih gaya filem.
- 5 Sentuh tab bunyi di bawah skrin untuk menukar bunyi, seperti rakaman suara.
- 6 Sentuh butang **Main** untuk melihat apa yang telah anda hasilkan.
- 7 Sentuh  kemudian **Susunan Main** untuk menukar susunan.
- 8 Sentuh  kemudian **Simpan Lokasi** untuk memilih di mana untuk menyimpan filem, dan sentuh **Tempoh** untuk pilih antara panjang dan pendek.

- 9 Untuk simpan filem anda, tekan main dan kemudian sentuh ikon simpan dalam sudut kiri atas.



Muzik

LG KC910 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam supaya anda boleh main semua trek muzik kegemaran anda.

Untuk mengakses pemain muzik, sentuh  kemudian **Hiburan** dan kemudian **Muzik**. Dari sini anda boleh mengakses pada sebilangan folder:

Baru dimainkan - Anda boleh melihat senarai yang baru dimainkan.

Semua trek - Mengandungi semua lagu yang anda miliki dalam telefon.

Artis - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut artis.

Album - Semak imbas koleksi lagu anda mengikut album.

Genre - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.

Senarai main - Mengandungi sebarang senarai main yang telah anda buat.

Susun semula trek - Anda boleh mendengar muzik secara rawak.

Memindahkan muzik pada telefon anda

Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak.

Anda juga boleh menggunakan LG PC Suite, lihat halaman 104 untuk butiran. Untuk memindahkan mengguna Bluetooth:

- 1 Untuk pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.

01

02

03

04

05

06

07


08

Multimedia

- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam **Muzik > Semua trek**.

Memainkan lagu

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Muzik**, kemudian **Muzik saya** dan **Semua trek**.
- 3 Pilih lagu yang anda hendak mainkan dan sentuh **Main**.
- 4 Sentuh  untuk jeda lagu.
- 5 Sentuh  untuk langkau ke lagu seterusnya.
- 6 Sentuh  untuk langkau ke lagu sebelumnya.
- 7 Sentuh  untuk kembali kepada menu **Muzik**.



PETUA! KC910 adalah telefon bimbit seluruh dunia pertama yang menggunakan Dolby Mobile untuk muzik, Menyediakan tanda dagangan kualiti bunyi Dolby kepada telefon mudah alih anda.

Menggunakan pilihan semasa memainkan muzik

Sentuh  dan pilih daripada:

Minimumkan - Jadikan skrin pemain muzik anda hilang supaya anda boleh sambung menggunakan telefon anda secara normal.

Pembayangan - Pilih kesan visual.

Tambah pada senarai main


- Tambah trek kepada salah satu senarai main anda.

Maklumat fail - Lihat maklumat termasuk Nama, Saiz, Tarikh, Masa, Jenis, Tempoh, Perlindungan dan Hak cipta lagu.

Hantar - Hantar lagu sebagai mesej atau menerusi Bluetooth.

Padam - Padam lagu.

Guna sebagai - Guna lagu sebagai salah satu Nada dering suara, Nada dering video, Nada mesej, Permulaan atau Matikan.

PETUA! Untuk mengubah kelantangan semasa mendengar pada muzik, sentuh .

Membuat senarai main

Anda boleh membuat senarai main anda sendiri dengan memilih pilihan lagu daripada folder **Semua trek**.

1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.


2 Sentuh **Muzik**, kemudian **Muzik saya** dan **Senarai Main**.

3 Sentuh **Tambah senarai main baru**, masukkan nama senarai main dan sentuh **Simpan**.

4 Folder semua trek akan ditunjukkan. Sentuh semua lagu yang anda hendak masukkan ke dalam senarai main anda; tanda rait akan ditunjukkan di sebelah nama trek.

5 Sentuh **Selesai**.

Untuk mainkan senarai main, pilih dan sentuh Main.

NOTA: Untuk tambah senarai main kedua, sentuh  kemudian Tambah senarai main baru.

01

02

03

04

05

06



07

08

Multimedia

Mengedit senarai main

Dari masa ke masa, anda mungkin hendak untuk menambah lagu baru atau padam lagu dari senarai main. Apabila anda hendak melakukan perkara ini, anda boleh mengedit senarai main.

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Muzik**, kemudian **Muzik saya** dan **Senarai Main**.
- 3 Pilih senarai main.
- 4 Sentuh  dan pilih:

Tambah lagu baru – Untuk menambah lagu baru pada senarai main. Tandakan yang mana anda hendak dan sentuh Selesai.

Gerak ke bawah – Gerakkan lagu ke bawah senarai untuk mengubah susunan mainan.

Tukar susunan senarai - Tukar susunan main senarai main.

Hantar – Hantar lagu sebagai mesej atau menerusi Bluetooth.



Keluarkan dari senarai

– keluarkan lagu dari senarai main. Sentuh Ya untuk mengesahkannya.

Maklumat memori - Paparkan status memori.

Keluarkan semua - Keluarkan semua trek daripada senarai main.

Memadam senarai main

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Muzik**, kemudian **Muzik saya** dan **Senarai Main**.
- 3 Sentuh  kemudian **Padam** atau **Padam semua** untuk padam semua senarai main.

Menggunakan radio



LG KC910 anda mempunyai ciri radio FM supaya anda boleh menala stesen kegemaran untuk didengari semasa mengembara.



NOTA: Anda perlu memasukkan fon kepala anda untuk mendengar radio. Masukkannya ke dalam soket fon kepala (ia adalah soket sama yang anda masukkan pengecas anda).

Mencari stesen



Anda boleh menala stesen radio ke dalam telefon anda dengan mencari stesen tersebut secara manual atau automatik. Stesen itu akan disimpan pada nombor saluran tertentu supaya anda tidak perlu menalanya semula. Anda boleh menyimpan sehingga 50 saluran dalam telefon anda.

Untuk menala secara automatik:

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Radio FM** kemudian .
- 3 Sentuh **Imbas Auto** kemudian **Ya**. Stesen yang ditemui akan ditempatkan secara automatik kepada nombor saluran dalam telefon anda.

NOTA: Anda juga boleh menala ke dalam stesen secara manual dengan menggunakan  dan  akan dipaparkan di sebelah frekuensi radio.

Menetapkan kembali saluran

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Radio FM** kemudian .
- 3 Pilih **Tetapkan semula** untuk menetapkan semula saluran semasa atau pilih **Tetapkan semula semua** untuk menetapkan semua saluran. Setiap saluran akan kembali ke frekuensi permulaan 87.5Mhz .

01

02

03

04

05


06

07

08

Multimedia


Mendengar radio

- 1 Sentuh  kemudian **Hiburan**.
- 2 Sentuh **Radio FM** kemudian sentuh nombor saluran stesen yang anda mahu dengar.


PETUA! Untuk meningkatkan penerimaan radio, panjangkan kord set kepala yang berfungsi sebagai antena radio.

Penyelenggara


Menambah peristiwa pada kalendar anda

- 1 Daripada skrin utama pilih  kemudian sentuh **Utiliti** dan pilih **Penyelenggara**. Pilih **Kalendar**.
- 2 Pilih tarikh yang anda ingin tambah peristiwa kepadanya.
- 3 Sentuh  kemudian **Tambah peristiwa..**
- 4 Sentuh **Kategori** kemudian pilih daripada **Janji temu, Ulang tahun** atau **Hari lahir**. Semak tarikh dan masukkan masa yang anda hendak mulakan peristiwa.
- 5 Untuk janji temu dan ulang tahun masukkan masa dan tarikh peristiwa tamat dalam dua masa dibawah dan kotak tarikh.
- 6 Jika anda mahu tambah subjek atau nota kepada peristiwa anda, sentuh **Nota** dan taip nota anda.
- 7 Tetapkan **P'gera** dan **Ulang**.

- 8 Pilih **Simpan** dan peristiwa anda akan disimpan dalam kalendar. Cursor petak berwarna akan menandakan hari bagi sebarang peristiwa telah disimpan dan loceng akan berbunyi pada masa mula peristiwa anda agar anda sentiasa teratur.

